

**Mengapa hadir perhimpunan Black 505?
Malaysian Insider
June 22, 2013
Oleh Wartawan The Malaysian Insider**

Perhimpunan Black 505 yang dianjurkan oleh Pakatan Rakyat (PR) di Padang Merbok, Kuala Lumpur hari ini, belum bermula secara rasmi akan tetapi orang ramai sudah mula berkumpul di tujuh lokasi ditetapkan penganjur.

The Malaysian Insider sempat menemui beberapa orang yang hadir dalam perhimpunan itu.

Seorang bekas polis, Hashim Said, 64, mengatakan beliau menyertai perhimpunan Black 505 walaupun cuaca berjerebu kerana mahu memperjuangkan pilihan raya bebas dan adil.

"Selagi saya masih lagi hidup, saya akan terus menyertai perhimpunan untuk kebaikan negara dan masa depan generasi akan datang," kata Hashim kepada The Malaysian Insider.

"Sebagai seorang bekas polis, saya telah melihat penyalahgunaan kuasa. Agensi kerajaan di kawal mengikut kepentingan politik. Perubahan sistem mesti dilakukan," tambahnya.

Sementara Sugi, 29 yang mengajar tuisyen secara peribadi mengatakan demokrasi sebenar tidak dilaksanakan di negara ini.

"Kita memilih kerajaan yang seharusnya menjaga kita orang biasa yang mahukan terbaik untuk negara.

"Ini sebabnya kita sering menyertai perhimpunan," katanya. - 22 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mengapa-hadir-perhimpunan-black-505/>